



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Sebut harga : MPK/JK/PR 165/2016 KERJA-KERJA PEMINDAHAN DAN MENAIKTARAF HAWA DINGIN DARI DEWAN HAMZAH KE JABATAN KESIHATAN, PERLESENAN, PENGUATKUASA DAN MINI AUDITORIUM SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KLANG.

TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p>BERDAFTAR DENGAN CIDB (SPKK) GRED G1, G2 KATEGORI ME & PENGKHUSUSAN M01 & BERDAFTAR DENGAN E-TENDER SELANGOR & UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)</p>	<p>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN) TAKLIMAT : TARIKH 20/10/2016 (KHAMIS) MASA TAKLIMAT : 2.30 ptg TEMPAT : Auditorium Raja Ismail</p> <p>Nota : Dokumen sebut harga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.</p>	<p>MULAI : 21/10/2016 (JUMAAT)</p> <p>Bahagian Ukur Bahan Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan</p> <p>Nota : Penyebut harga di kehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL & SALINAN : 1) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SSPK) oleh CIDB 2) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) 3) Resit pembayaran E-Tender Selangor</p>	<p>TARIKH TUTUP : 31/10/2016 (ISNIN) WAKTU TUTUP : 12.00 Tengah Hari</p> <p>Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan</p> <p>Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan.</p>

SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Sebut harga dijual dengan harga **RM 40.00** Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **21 OKTOBER 2016** di Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan.
3. Bayaran untuk pembelian dokumen adalah dalam bentuk Wang tunai.
4. Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum membeli Dokumen Sebut harga. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan Resit Bayaran Pendaftaran sebagai bukti Penyebutharga telah berdaftar secara on-line semasa membuat urusan pembelian Dokumen Sebut harga.
5. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga seperti tertera di atas.
6. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
7. Wakil yang hadir ke taklimat, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.
8. Penyebutharga diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak atau taklimat.
9. Penyebutharga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat / lawatan tapak yang akan diadakan pada **20 OKTOBER 2016** Jam **2.30** petang di Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
10. Penyebutharga yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Sebut harga.
11. Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** dan **SALINAN (Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB, Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) dan Resit pembayaran E-Tender Selangor)** semasa pembelian dokumen.
12. Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Membuat Sebut harga di dalam Dokumen Sebut harga sebelum mengemukakan Sebut harga. Jika dokumen Sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
13. Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
14. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebut harga adalah pada **28 OKTOBER 2016** sebelum jam 4.30 petang. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian **03-3375 8014**.

Disediakan oleh :
 BAHAGIAN UKUR BAHAN
 MAJLIS PERBANDARAN KLANG